



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : KURIKULUM DALAM PENDIDIKAN AWAL  
KANAK-KANAK**

**KOD KURSUS : DEC1033**

**PEPERIKSAAN : JUN 2024**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **11** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH LIMA (25)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan pembelajaran formal dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak?
  - A Pendekatan yang menekankan kebebasan dan kreativiti kanak-kanak.
  - B Pendekatan yang menekankan interaksi sosial dalam proses pembelajaran.
  - C Pendekatan yang memfokuskan pembelajaran melalui permainan dan aktiviti yang bermakna.
  - D Pendekatan yang mengekang kebebasan kanak-kanak dan menekankan pembelajaran formal seperti hafalan.
  
2. Apakah ciri penting dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak?
  - A Menekankan keperluan dan minat setiap kanak-kanak.
  - B Menyediakan persekitaran pembelajaran yang tidak menarik.
  - C Memberi tumpuan kepada pembelajaran formal secara eksklusif.
  - D Mengabaikan peringkat perkembangan kanak-kanak dalam menyampaikan bahan pembelajaran.
  
3. Apakah pendekatan yang digunakan dalam kurikulum pendidikan awal kanak-kanak untuk memperkenalkan konsep pembelajaran kepada kanak-kanak?
  - A Pendekatan yang mengabaikan peranan guru dalam pembelajaran.
  - B Pendekatan yang menekankan pembelajaran formal melalui pengajaran langsung.
  - C Pendekatan yang menekankan kepentingan minat dan peringkat perkembangan kanak-kanak.
  - D Pendekatan yang hanya menekankan aktiviti fizikal tanpa memberi nilai tambah kepada pembelajaran.

4. Apakah objektif utama pelaksanaan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia?
- A Meningkatkan kadar eksport negara.
  - B Mempromosikan perpaduan kaum.
  - C Menyediakan latihan dalam bidang perubatan.
  - D Menyediakan asas pendidikan yang menyeluruh dan bersepadu kepada kanak-kanak prasekolah.
5. Apakah yang dimaksudkan dengan Kurikulum Permata Negara?
- A Inisiatif diraja untuk meningkatkan eksport permata.
  - B Langkah-langkah mengekalkan budaya tradisional sahaja.
  - C Program memperkenalkan aktiviti lasak kepada kanak-kanak.
  - D Sistem pendidikan awal kanak-kanak yang menyeluruh dan holistik.
6. Apakah objektif utama Kurikulum Permata Negara?
- A Menekankan pembelajaran formal yang ketat.
  - B Membentuk anak-anak menjadi atlet yang cemerlang.
  - C Menggalakkan persaingan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.
  - D Meningkatkan kualiti dan keberkesanan pendidikan awal kanak-kanak.
7. Apakah ciri-ciri penting Kurikulum Permata Negara?
- A Fokus kepada pembelajaran formal sahaja.
  - B Memperkenalkan pembelajaran berasaskan permainan dan aktiviti kreatif.
  - C Mengabaikan keperluan kanak-kanak dan peringkat perkembangan mereka.
  - D Menekankan pendedahan kanak-kanak terhadap teknologi digital sejak kecil.
8. Apakah latar belakang penubuhan program Permata Negara?
- A Keperluan untuk meningkatkan eksport barangan permata.
  - B Kegagalan sistem pendidikan yang sedia ada di negara ini.
  - C Inisiatif untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan pendidikan awal kanak-kanak.
  - D Permintaan daripada organisasi antarabangsa untuk memulakan program tersebut.

9. Apakah tujuan utama pelaksanaan Kurikulum Permata Negara?
- A Menyediakan latihan awal untuk industri permata.
  - B Memperkenalkan pembelajaran formal secara eksklusif.
  - C Meningkatkan tekanan kepada kanak-kanak prasekolah.
  - D Meningkatkan kualiti pembelajaran awal kanak-kanak dan perkembangan menyeluruh.
10. Apakah ciri penting dalam melaksanakan Kurikulum Permata Negara?
- A Fokus kepada pendekatan pembelajaran formal sahaja.
  - B Memperkenalkan pendekatan pembelajaran berpusatkan kanak-kanak.
  - C Mengabaikan keperluan kanak-kanak dan peringkat perkembangan mereka.
  - D Menekankan penggunaan teknologi digital dalam setiap aspek pembelajaran.
11. Siapakah yang termasuk dalam kategori awal kanak-kanak?
- A Remaja berumur 13 hingga 18 tahun.
  - B Orang dewasa berumur 18 tahun ke atas.
  - C Kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun.
  - D Kanak-kanak yang baru lahir sehingga 6 tahun.
12. Apakah yang dimaksudkan dengan zaman kanak-kanak awal?
- A Kanak-kanak yang sedang menjalani latihan sukan intensif.
  - B Kanak-kanak yang terlibat dalam program latihan keusahawanan.
  - C Kanak-kanak yang mempunyai pencapaian akademik tertinggi dalam kelas.
  - D Kanak-kanak yang berada dalam kategori umur prasekolah dan awal sekolah.
13. Apakah ciri-ciri awal kanak-kanak?
- A Telah mencapai usia remaja dan kematangan fizikal.
  - B Mempunyai keupayaan untuk membuat keputusan secara bebas.
  - C Tidak memerlukan bimbingan atau sokongan dalam pembelajaran.
  - D Masih dalam proses membentuk kemahiran asas seperti perkembangan bahasa dan motor halus.

14. Yang manakah merupakan definisi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)?

- i. Panduan menilai kompetensi guru prasekolah.
- ii. Penilaian piawai yang diberikan kepada prasekolah.
- iii. Program pembelajaran prasekolah yang ditubuhkan oleh kerajaan.
- iv. Panduan untuk membangunkan program pembelajaran prasekolah yang berkualiti tinggi.

- A i, ii
- B iii, iv
- C i, ii, iv
- D i, ii, iii, iv

15. Apakah objektif utama Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)?

- A Meningkatkan pencapaian akademik individu.
- B Menggalakkan pembelajaran berpusatkan pelajar.
- C Memastikan perkembangan holistik kanak-kanak prasekolah.
- D Menggalakkan persaingan akademik dalam kalangan murid prasekolah.

16. Apakah matlamat yang ingin dicapai melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)?

- A Meningkatkan kemahiran mengajar guru prasekolah.
- B Mewujudkan standard pencapaian pengurusan prasekolah
- C Menggalakkan persaingan antara prasekolah dalam pentaksiran KSPK.
- D Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada perkembangan holistik kanak-kanak.

17. Apakah kemahiran abad ke-21 yang ditekankan dalam KSPK?

- i. Kemahiran literasi siber.
- ii. Kemahiran berkomunikasi.
- iii. Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
- iv. Kemahiran mengekalkan perkembangan bahasa.

- A i,ii  
B i, ii, iii  
C i, iii, iv  
D ii, iii, iv

18. Manakah merupakan kepentingan mengukuhkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pendidikan prasekolah?

- i. Untuk menghalang perkembangan intelek kanak-kanak.
- ii. Untuk memupuk daya imaginasi dan kreativiti kanak-kanak.
- iii. Untuk membantu kanak-kanak memahami konsep sains dan matematik.
- iv. Untuk memastikan kanak-kanak mempunyai kebolehan menyelesaikan masalah.

- A i, iv  
B ii, iii  
C i, ii, iii  
D ii, iii, iv

19. Bagaimanakah kemahiran literasi siber diterapkan dalam KSPK?

- i. Melalui pendedahan kepada teknologi digital.
- ii. Melalui penggunaan media sosial oleh kanak-kanak.
- iii. Melalui pembelajaran tentang keselamatan dalam talian.
- iv. Melalui pembelajaran tradisional tanpa penglibatan teknologi.

- A i, iii  
B ii, iv  
C i, ii, iii  
D ii, iii, iv

20. Apakah satu strategi yang berkesan untuk melibatkan ibu bapa dalam pembelajaran prasekolah?
- A Hadkan akses ibu bapa kepada maklumat tentang kurikulum dan aktiviti di prasekolah.
  - B Mewajibkan ibu bapa menyediakan semua bahan pembelajaran untuk anak-anak di rumah.
  - C Mengadakan perjumpaan ibu bapa secara berkala untuk menyediakan laporan tentang kemajuan anak.
  - D Galakkan ibu bapa melibatkan diri dalam aktiviti prasekolah secara langsung, seperti lawatan lapangan atau kerja sukarela di dalam kelas.
21. Apakah kepentingan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran prasekolah?
- A Mengurangkan perbezaan peringkat pembelajaran kanak-kanak.
  - B Meningkatkan rasa tanggungjawab ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak.
  - C Bantu kanak-kanak berasa lebih selesa dan selamat di persekitaran prasekolah.
  - D Hadkan perhubungan antara prasekolah dan ibu bapa untuk mengelakkan gangguan luar.
22. Bagaimanakah ibu bapa boleh melibatkan diri dalam pembelajaran kanak-kanak di rumah?
- A Dengan menghadkan interaksi dengan kanak-kanak pada masa lapang.
  - B Dengan memberi kanak-kanak tugas yang sukar untuk diselesaikan di rumah.
  - C Dengan membenarkan kanak-kanak menonton televisyen sepanjang hari sebagai sebahagian daripada pembelajaran.
  - D Dengan memberikan galakan dan sokongan yang positif semasa zaman kanak-kanak melakukan aktiviti pembelajaran di rumah.



23. Apakah yang dimaksudkan dengan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam konteks KSPK?
- A Kemahiran menghafal maklumat dengan cepat.
  - B Keupayaan untuk mengetahui fakta asas sahaja.
  - C Keupayaan untuk mengekalkan dan mengelakkan perubahan.
  - D Kemahiran memahami dan mengaplikasi maklumat dalam situasi baharu.
24. Mengapakah penting untuk menggalakkan pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi di peringkat prasekolah?
- A Kerana kanak-kanak pada tahap ini mempunyai keupayaan berfikir yang terhad.
  - B Kerana KBAT melambatkan perkembangan kanak-kanak di peringkat prasekolah.
  - C Kerana KBAT membantu kanak-kanak memahami dunia sekeliling mereka dengan lebih mendalam.
  - D Kerana kemahiran berfikir aras tinggi tidak memberi manfaat kepada perkembangan kanak-kanak.
25. Apakah yang boleh dilakukan oleh guru prasekolah untuk membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan kanak-kanak?
- A Menyediakan aktiviti yang melibatkan menghafal sifir dan perkataan.
  - B Menghadkan pengalaman dan pengetahuan kanak-kanak untuk memudahkan pengurusan bilik darjah.
  - C Galakkan kanak-kanak mencuba sesuatu yang baharu dan mencari penyelesaian kepada masalah.
  - D Mengabaikan pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi dan memberi tumpuan semata-mata kepada pencapaian akademik.

[50 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Sejak penubuhannya, pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia telah melalui beberapa fasa penting dalam pembangunan kurikulumnya. Bermula daripada penekanan terhadap pembangunan aspek fizikal dan sosial kanak-kanak kepada penjenamaan semula kurikulum dengan pendekatan yang lebih holistik, sejarah ini mencerminkan evolusi pemikiran pedagogi awal kanak-kanak.

- a. Terangkan **lima (5)** perkembangan kurikulum pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia dari fasa dan aspek perubahan besar yang telah berlaku dari semasa ke semasa.

(10 markah)

## SOALAN 2

Sejak diperkenalkan, Bidang Pembelajaran Permata telah menjadi tumpuan utama dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan permata di Malaysia. Pelbagai kajian telah dijalankan untuk menilai keberkesanan pendekatan ini dalam merangsang perkembangan kanak-kanak dari pelbagai aspek.

- a. Sejauh manakah keberkesanan bidang pembelajaran Permata Negara dalam perkembangan kanak-kanak dari segi **kognitif, emosi, sosial, sahsiah** dan **fizikal**.

(10 markah)

- b. Terangkan **empat (4)** peranan penting yang dimainkan oleh pendidik dan ibu bapa dalam menyokong kejayaan pelaksanaan Bidang Kurikulum Permata dalam konteks pendidikan di Taska.

(10 markah)

**SOALAN 3**

Perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran KSPK di prasekolah melibatkan proses merancang aktiviti pembelajaran yang bermakna dan menyokong perkembangan holistik kanak-kanak. Ini termasuklah merancang aktiviti yang merangsang pelbagai aspek perkembangan kanak-kanak seperti kognitif, emosi, sosial, dan fizikal.

- a. Huraikan **lima (5)** proses mereka bentuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran KSPK di prasekolah.

(10 Markah)

- b. Terangkan **lima (5)** langkah-langkah yang perlu diambil untuk menyediakan aktiviti pembelajaran kanak-kanak prasekolah.

(10 Markah)

**[50 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**



